

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HST504 – Sejarah Asia Tenggara Abad Ke-20

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Sejauh manakah pentadbiran tentera Jepun (1942-45) berjaya mempergunakan agama untuk tujuan politik dan ketenteraan? Perbincangan boleh merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara.

[100 markah]

2. "Bagi negara-negara Asia Tenggara, kemerdekaan politik selepas 1945 tidak diiringi oleh kemerdekaan ekonomi." (Milton Osborne, 2004). Bincangkan dengan merujuk kepada mana-mana negara Asia Tenggara.

[100 markah]

Bahagian B

3. "Usahawan Cina Asia Tenggara merupakan penghubung penting antara Asia Tenggara dengan China dalam bidang ekonomi dan sosiobudaya." Dengan merujuk kepada DUA contoh masyarakat Cina tempatan di Asia Tenggara pada kurun ke-20, analisiskan pernyataan ini.

[100 markah]

4. Nilaikan perkembangan hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China (RRC) dengan negara-negara Asia Tenggara untuk tempoh sejak penubuhan RRC pada 1949 hingga tahun 2000.

[100 markah]

Bahagian C

5. Bincangkan DUA daripada teori-teori berikut dalam kaitannya dengan kemelesetan ekonomi 1929-1935 dan kesannya ke atas masyarakat di Asia Tenggara.

- [a] Teori Moral Ekonomi Petani [James C. Scott]
- [b] Teori Ekonomi Kapitalis [Samuel L. Popkin]
- [c] Teori Involusi Pertanian [Clifford Geertz]

[100 markah]

6. "Pada suku pertama kurun ke-20, Moro berjuang untuk menghalang penggabungan mereka dengan negara Filipina, Melayu Patani pula berjuang untuk mendapatkan semula kuasa yang hilang akibat Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Perjuangan mereka sama ada berbentuk organisasi yang tersusun mahupun tidak tersusun bermatlamatkan sama ada menuntut kuasa autonomi atau kemerdekaan" [Wan Kadir Che Man].

Berdasarkan pernyataan di atas, buat SATU analisis bandingan berkaitan dengan sebab, punca kegagalan serta akibatnya kepada keamanan serantau.

[100 markah]

- oooOooo -